

TRAGEDI

MINDA PENGARANG

Pengurusan perlu patuhi ciri keselamatan bangunan

Bukan kali pertama, malah sekurang-kurangnya lebih 30 kes kebakaran berlaku di pusat tahfiz atau sekolah pondok sejak 10 tahun lalu. Yang terbesar ialah tragedi 22 September 1989 meragut nyawa 27 pelajar Madrasah Taufiqiah al-Khairiah atau 'pondok Pak Ya' di Guar Chempedak, Kedah. Selepas kejadian di Guar Chempedak itu, kerajaan tubuh suruhanjaya untuk menyiasat, dan mengesan masalah utama iaitu pembinaan sekolah tahfiz dan pondok tidak mematuhi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan 2007) di setiap negeri. Antara isu keselamatan menonjol adalah pem-

binaan bangunan 'ala kadar' seperti struktur kayu tidak sesuai; penyambungan bangunan secara tidak sah; pembinaan atas tanah tidak sesuai; pendawaian usang; mengubah suai rumah; madrasah atau rumah kedai dan menggunakan khidmat kontraktor tidak bertauliah. Namun, di sebalik hasil siasatan dan syor dikemukakan suruhanjaya, kejadian sama berulang dengan puncanya masih berkisar kepada ciri keselamatan. Terbaharu semalam, tragedi meragut 23 nyawa didapati juga berkaitan ciri-ciri keselamatan iaitu pemasangan jeriji tingkap di tingkat tiga, laluan terhalang dan susunan katil yang menyu-

karkan mangsa menyelamatkan diri. Itu antara hasil siasatan awal Jabatan Bomba dan Penyelamat. Amat jelas di sini, kejadian yang berlaku di Kedah pada 1989, masih tidak dijadikan iktibar pengurusan sekolah pondok dan maahad tahfiz negara ini, berhubung aspek ancaman bencana. Ini tidak akan berlaku, andai syor suruhanjaya itu dipraktik, dikuat kuasa dan dipantau. Di manakah pihak pelaksana dan penguatkuasaan? Kalau Pusat Tahfiz Darul Quran itu tidak mendapat kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjalankan aktiviti pengajian tahfiz

di premis berkenaan, mengapa tidak diambil tindakan lebih awal, mengapa tidak ada pemeriksaan di premis seperti pembinaan rumah atau bangunan komersial yang memerlukan sijil kelayakan menduduki (CF)? Berapa banyak sekolah pondok dan tahfiz memiliki Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) daripada Bomba dan Penyelamat Malaysia? Kita tidak tahu jumlah sebenar sekolah pondok di seluruh negara tetapi dipercayai lebih 200, manakala pusat tahfiz dipercayai lebih banyak jumlahnya yang 'tumbuh bagai cendawan' di merata tempat. Kita puji langkah pengurusan pusat tahfiz yang menawarkan pendidi-

kan kepada pelajar, terutama keluarga kurang berkemampuan tetapi ada juga yang berbuat demikian bagi tujuan perniagaan. Tiada lagi kawalan. Sesuatu harus dilakukan termasuk menyelaraskan aspek keselamatan maahad tahfiz di seluruh negara dan mewajibkan patuhi ciri keselamatan. Jika tidak, selagi itulah pelajar di sekolah pondok dan tahfiz berdepan risiko keselamatan. Kita tidak mahu lagi dengar pelbagai alasan, tuduh menuduh selepas berlaku sesuatu yang meragut nyawa pelajar atau mahu siasat itu dan ini. Laksana dan patuhi syor hasil siasatan suruhanjaya sebelum ini. Itu sahaja.

'Syor RCI dipandang remeh'

➔ Tiada rundingan putus pihak bertanggungjawab pantau sekolah tahfiz, pondok

► Kuala Lumpur

Pelbagai pihak melahirkan rasa sedih, kesal dan kecewa dengan tragedi di Pusat Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah di Jalan Keramat Ujung di ibu negara pagi semalam yang mengorbankan 23 nyawa.

Kecewa kerana banyak amaran dan laporan aspek keselamatan pusat tahfiz yang didedahkan selama ini tidak diendahkan, sedih kerana lagi nyawa pelajar melayang, kesal kerana syor Suruhanjaya Diraja (RCI) Mengenai Keselamatan Sekolah Agama Rakyat (RCI) Mengenai Keselamatan Sekolah Agama Rakyat Taufiqiah Khairiah Al-Halimiah atau Pondok Pak Ya dekat Yan, Kedah, pada 1989, yang mengorbankan 27 nyawa tidak dipedulikan.

Malah, mereka menyalahkan sikap sambil lewa dan lepas tangan agensi dan kementerian kerana tidak menyambut dan melaksanakan syor dibentangkan RCI.

Pensyarah Kanan Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsa-



an Malaysia (UKM), Dr Azizi Umar, berkata sejak syor RCI dikemukakan tiada penyalarsan antara pihak berwajib, terutama kementerian yang sepatutnya melaksanakannya. Katanya, tiada guna ditubuhkan RCI bagi menyiasat tragedi syor yang dikemukakan dipandang remeh dan hanya untuk memenuhi syarat.

"Malah, tiada rundingan dan jalan penyelesaian untuk memutuskan siapa pihak yang sepatutnya bertanggungjawab menggalas tugas memantau sekolah tahfiz dan pondok," katanya kepada BH.

Cadang jadi orang tengah
Azizi mencadangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh menjadi orang tengah untuk menyelaraskan semua tindakan pihak berwajib bagi melaksana syor RCI itu.

Sementara itu, Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Za-



Gambar fail 2016: Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim menunjukkan laporan Suruhanjaya Diraja (RCI) Mengenai Keselamatan Sekolah Agama Rakyat.

karia Kasa mahu laporan RCI itu dibentangkan dan diteliti semula untuk dijadikan panduan dan iktibar pada masa akan datang.

Beliau berkata, amat menyedihkan apabila tragedi mengorbankan 27 nyawa pada 1989 tidak dijadikan iktibar oleh pengurusan sekolah pondok dan maahad tahfiz.

"Jangan habiskan masa bentuk satu lagi suruhanjaya bagi menyiasat tragedi terbaharu ini kerana laporan RCI lalu masih boleh dijadikan garis panduan.

"Kejadian pagi tadi (semalam) menunjukkan kita bukan sahaja tidak ambil iktibar kejadian di Pondok Pak Ya, malah beratut

kebakaran di pusat tahfiz lain," katanya.

Zakaria berkata, pengurusan pusat tahfiz bukan sahaja perlu mengambil perhatian aspek keselamatan bangunan kerana kebanyakannya tiada sijil layak menduduki (CF), malah perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan pelajar.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Mohd Alif Anas Md Noor juga tidak menolak kemungkinan kegagalan melaksanakan segala syor dan cadangan dibentangkan RCI antara faktor kebakaran di pusat tahfiz dan sekolah pondok terus berulang.

Reaksi

Kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah



Tiada rundingan dan jalan penyelesaian untuk

memutuskan siapa pihak bertanggungjawab menggalas tugas memantau sekolah tahfiz dan pondok"

Dr Azizi Umar, Pensyarah Kanan Pusat Citra Universiti, UKM



Sepatutnya laporan RCI digunakan untuk

memperkemaskan SOP pengurusan dan pengendalian pusat tahfiz dan sekolah pondok"

Dr Zakaria Kasa, Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, MPN

(GAMBAR FAIL 2016)